

Memorandum

Pandangan Dan Cadangan Mengenai Penyelesaian Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah-Sekolah Menengah Conforming / Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)

Kepada

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin Timbalan
Perdana Menteri Malaysia merangkap
Menteri Pelajaran Malaysia**

1 Pendahuluan

Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang dimaksudkan dalam memorandum ini merujuk kepada sekolah-sekolah yang asalnya ialah Sekolah-sekolah Menengah Cina yang mana bahasa pengantar utamanya telah ditukar daripada bahasa Cina kepada bahasa Inggeris menjadi Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), dan seterusnya ditukar lagi bahasa pengantar utamanya kepada bahasa Kebangsaan menjadi Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga masa sekarang.

Pada pertengahan tahun 1950-an dan tahun 1960-an, banyak Sekolah Menengah Cina di Semenanjung telah ditukar menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang mengguna bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di bawah Akta Pelajaran 1961. Selain itu, Sekolah-sekolah Menengah Cina di Sarawak dan Sabah masing-masing juga ditukar menjadi Sekolah-sekolah Menengah Inggeris pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Seterusnya, bahasa pengantar utama Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan/ Sekolah-sekolah Menengah Inggeris tersebut ditukar kepada bahasa

Kebangsaan secara berperingkat mulai tahun 1976 di Semenanjung Malaysia dan negeri Sabah, dan mulai tahun 1983 di negeri Sarawak.

Dalam proses penukaran bahasa pengantar Sekolah-sekolah Menengah Cina tersebut, kerajaan telah membuat pelbagai janji kepada Sekolah-sekolah Menengah Conforming tersebut, termasuk berjanji menanggung semua perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Sekolah-sekolah Menengah Conforming, satu pertiga masa pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bahasa Cina, menyediakan guru yang mencukupi dan mengekalkan kedudukan lembaga pengurus di sisi undang-undang. Janji-janji itu masih banyak belum ditunaikan hingga sekarang.

Walaupun istilah "Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan" (SMJK) tidak wujud lagi di dalam Akta Pendidikan 1996, dan digantikan dengan istilah "Sekolah Menengah Kebangsaan" (SMK), orang ramai masih mengguna istilah SMJK tersebut apabila merujuk kepada 78 buah Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang sedia ada pada masa sekarang.

Jadual 1: Bilangan sekolah, pelajar dan guru bagi Sekolah-sekolah Menengah Conforming pada tahun 2010

Negeri	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Guru
Perlis	1	1,478	123
Kedah	4	8,376	475
Pulau Pinang	10	22,866	1,341
Perak	17	27,698	1,664
Selangor	5	13,376	738
Kuala Lumpur	2	3,537	212
Negeri Sembilan	3	4,574	273
Melaka	5	5,747	335
Johor	3	4,116	245
Pahang	7	8,471	549
Terengganu	1	1,356	104
Kelantan	2	3,195	230
Sarawak	10	10,964	714
Sabah	8	10,688	618
Jumlah	78	126,442	7,621

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, perangkaan sehingga 30 Jun 2010.

Baru-baru ini, persatuan kami dan ahli-ahli persatuan kami di peringkat negeri telah mengumpul masalah-masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Conforming melalui perbincangan dengan pihak lembaga pengelola sekolah-sekolah tersebut.

Kebelakangan ini, beberapa pihak dan laporan-laporan akhbar tempatan juga menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Conforming.

Sehubungan itu, persatuan kami dengan tulus ikhlasnya mengemukakan memorandum ini agar pihak kerajaan mengambil berat beberapa masalah, pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam memorandum ini, dan seterusnya mengambil tindakan wajar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Conforming

dan menunaikan janji-janji kerajaan terhadap sekolah-sekolah berkenaan.

2. Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah-Sekolah Menengah Conforming Dan Cadangan Penyelesaian Masalah

Sekolah-sekolah Menengah Conforming menghadapi beberapa masalah utama yang perlu diatasi. Antara masalah ini meliputi aspek :

- Lembaga pengelola.
- Kelayakan, perlantikan dan latihan pengetua dan guru penolong kanan.
- Pengambilan pelajar.
- Kekurangan peruntukan pengurusan dan pembangunan.
- Pemindahan sekolah dan penubuhan sekolah baru.

- (f) Kelas bahasa Cina.
- (g) Kekurangan guru bahasa Cina.
- (h) Keputusan mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam.

2.1 Kuasa dan Tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah

Mengikut Akta Pendidikan 1996, Sekolah-sekolah Menengah Conforming merupakan “sekolah bantuan kerajaan”. Ia merupakan sekolah yang ditubuh oleh lembaga pengelola. Lembaga pengelola merupakan pihak yang mengurus sekolah berkenaan termasuk mengurus harta dan wang sekolah. Pihak lembaga pengelola itu juga bertanggungjawab memelihara ciri-ciri tradisional sekolah berkenaan.

Cadangan:

- (a) Kementerian Pelajaran harus menghormati lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming sebagai pihak yang mengurus sekolah itu. Lembaga pengelola mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk mengurus sekolahnya termasuk mengurus harta dan wang sekolah, dan memelihara ciri-ciri tradisional sekolah berkenaan. Oleh itu, segala urusan pihak Kementerian Pelajaran dengan Sekolah-sekolah Menengah Conforming hendaklah berdasarkan prinsip ini dan tidak boleh menafikan dan meminggirkan lembaga pengelola, khasnya kuasa dan tanggungjawab lembaga pengelola dalam aspek pengurusan sekolah dan pemeliharaan ciri-ciri tradisional sekolah.
- (b) Kementerian Pelajaran harus mengarah dan memastikan Jabatan Pelajaran di setiap negeri dan wilayah persekutuan mengambil tindakan proaktif dalam memproses permohonan pendaftaran ahli-ahli lembaga pengelola sekolah dan dengan segeranya mengeluarkan

sijil perakuan pendaftaran kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan.

- (c) Segala surat dan dokumen termasuk pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada Sekolah-sekolah Menengah Conforming hendaklah ditujukan kepada pihak lembaga pengelola selaku pihak yang mengurus sekolah berkenaan.
- (d) Jabatan Pelajaran Negeri harus berunding dengan pihak lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming dalam aspek pengambilan pelajar. Jabatan Pelajaran Negeri juga harus menghormati keputusan pihak lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming yang hanya menerima tamatan daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sahaja.

2.2 Kelayakan Pengetua dan Guru Penolong Kanan

Pihak lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming amat mengambil berat tentang kesesuaian seseorang pengetua atau guru penolong kanan yang dilantik ke sekolah itu.

Cadangan:

- (a) Kementerian Pelajaran harus memastikan bahawa para pengetua dan guru penolong kanan yang dilantik ke Sekolah-sekolah Menengah Conforming hendaklah berkelayakan dalam Bahasa Cina, dapat bekerjasama dengan lembaga pengelola dan memahami peranan lembaga pengelola dalam usaha membangunkan sekolah dan memelihara ciri-ciri tradisional sekolah itu. Kementerian Pelajaran harus mengeluarkan surat pekeliling rasmi bagi menetapkan kelayakan tersebut.
- (b) Pihak lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming berhak mencadangkan calon pengetua dan guru penolong kanan yang dipersetujui

oleh lembaga pengelola untuk dilantik oleh Kementerian Pelajaran.

- (c) Calon pengetua dan guru penolong kanan Sekolah Menengah Conforming yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran / Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mendapat persetujuan pihak lembaga pengelola terlebih dahulu sebelum mereka melaporkan diri dan menjalankan tugas di sekolah berkenaan.
- (d) Kementerian Pelajaran harus mengadakan sistem dan rancangan yang sempurna untuk melatih dan menyediakan bilangan pengetua dan guru penolong kanan Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang mencukupi dan berkelayakan bagi mengisi jawatan yang dikosongkan oleh mereka yang bersara atau tidak memegang jawatan itu lagi.

2.3 Masalah Kekurangan Peruntukan Pengurusan dan Pembangunan

Mengikut Akta Pendidikan 1996, terdapat tiga kategori institusi pendidikan/sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan, iaitu: sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Persatuan kami ingin menegaskan bahawa Akta Pendidikan 1996 tidak mengasingkan sekolah-sekolah kepada “sekolah bantuan penuh” dan “sekolah bantuan modal”. Pelaksanaan “sekolah bantuan penuh” dan “sekolah bantuan modal” adalah tidak berasas di sisi undang-undang. Selain itu, “sekolah bantuan penuh” tidak boleh disamaertikan dengan “sekolah kerajaan”, manakala “sekolah bantuan modal” juga tidak boleh disamaertikan dengan “sekolah bantuan kerajaan”.

Mengikut Akta Pendidikan 1996, “sekolah bantuan kerajaan” ialah sekolah yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Di bawah akta ini, Sekolah Menengah

Conforming merupakan “sekolah bantuan kerajaan”. Selain itu, sekolah bantuan kerajaan merupakan sekolah yang ditubuh dan diurus oleh lembaga pengelola.

Mengikut Akta Pendidikan 1996, “sumbangan modal” ertinya bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan/sekolah bagi mengadakan bangunan; mengubah atau menambah premis yang sedia ada; mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baru, diubah atau ditambah; atau apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan. “Sumbangan bantuan” pula ertinya apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesuatu institusi pendidikan/sekolah.

Dalam bahasa yang biasa, “sumbangan bantuan” merupakan peruntukan pengurusan, manakala “sumbangan modal” merupakan peruntukan pembangunan.

Selain itu, pada masa penukaran Sekolah-sekolah Menengah Cina menjadi Sekolah-sekolah Menengah Conforming, pihak kerajaan telah berjanji menanggung semua perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Sekolah-sekolah Menengah Conforming.

Pendek kata, Sekolah-sekolah Menengah Conforming berhak mendapat semua peruntukan pengurusan dan pembangunan yang dibiayai oleh kerajaan.

Akan tetapi, kerajaan hingga hari ini masih tidak memberi peruntukan pengurusan dan pembangunan yang mencukupi kepada Sekolah-sekolah Menengah Conforming. Ini menyebabkan sekolah-sekolah ini menghadapi masalah kekurangan wang untuk pembayaran pentadbiran harian sekolah seperti bayaran bil elektrik, air dan pembentungan. Sekolah-sekolah ini juga terpaksa mengutip derma daripada masyarakat untuk melaksana projek-projek pembinaan dan

penyelenggaraan sekolah, penambahan perabot dan kelengkapan, dan sebagainya.

Cadangan:

- (a) Kerajaan harus menunaikan janji-janjinya untuk menanggung sepenuhnya perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Sekolah-sekolah Menengah Conforming.
- (b) Kerajaan harus menanggung sepenuhnya bayaran bil elektrik, air, pembentungan dan seumpamanya bagi Sekolah-sekolah Menengah Conforming melalui sistem bayaran secara pukal.
- (c) Kerajaan harus memberi kelulusan dan menyediakan tanah sekolah yang sesuai dan peruntukan pembangunan yang mencukupi kepada Sekolah Menengah Conforming yang memohon hendak berpindah ke kawasan lain, terutamanya bagi Sekolah Menengah Conforming yang berkongsi tapak atau bangunan dengan sekolah yang lain. Oleh itu, kerajaan harus menyediakan tanah sekolah yang sesuai dan peruntukan pembangunan yang mencukupi untuk mempercepatkan pembinaan SMJK Confucian yang telah mendapat kelulusan perpindahan daripada kerajaan sejak tahun 1999. Sehingga kini, SMJK Confucian masih terletak di tapak sedia ada di Kuala Lumpur dan belum berpindah ke kawasan lain. Selain itu, kerajaan harus juga menyediakan tanah sekolah yang sesuai dan peruntukan pembangunan sekolah yang mencukupi untuk membolehkan SMJK Katholik di Bentong berpindah ke kawasan berdekatan akibat tuan punya tanah hendak mengambil balik tanah tapak sekolah sedia ada, dan status sekolah ini harus dikekalkan sebagai Sekolah Menengah Conforming dan bukannya ditukar menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan yang biasa.
- (d) Pada masa sekarang, terdapat sebahagian

Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang mempunyai pelajar yang ramai dan ini menyebabkan sekolah itu mengalami masalah kesesakan ruang dan kekurangan bilik darjah. Oleh itu, kerajaan harus memberi kelulusan dan menyediakan tanah sekolah yang sesuai dan peruntukan pembangunan yang mencukupi kepada Sekolah Menengah Conforming yang memohon hendak menubuh sekolah baru atau sekolah kedua dan seumpamanya yang mempunyai lembaga pengelolanya sendiri. Pihak kerajaan juga harus menyediakan pengetua, guru penolong kanan, tenaga pengajar, kakitangan bukan pengajar, peruntukan pengurusan dan peruntukan pembangunan yang berasingan kepada sekolah baru berkenaan. Contohnya dalam kes SMJK Chan Wa di Seremban, sekolah induk itu sudah mempunyai sebuah sekolah cawangan baru lain yang sudah beroperasi sejak tahun 2005 dan berharap kerajaan meluluskan sekolah cawangan itu menjadi sekolah kedua yang mempunyai lembaga pengelola, pengetua, guru penolong kanan, tenaga pengajar, kakitangan bukan pengajar, peruntukan pengurusan dan peruntukan pembangunan yang tersendiri; sehingga kini, peruntukan pengurusan yang Kementerian Pelajaran berikan kepada sekolah induk itu terpaksa dikongsi oleh kedua-dua sekolah induk dan sekolah cawangan, keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah kekurangan wang untuk pembayaran pentadbiran harian sekolah.

- (e) Kerajaan harus menyediakan peruntukan pembangunan yang mencukupi kepada Sekolah Menengah Conforming yang hendak mengadakan bangunan tambahan dan bilik komputer, menambah perabot dan kelengkapan, dan sebagainya.
- (f) Kerajaan harus mengumumkan dan

mengedarkan prosedur permohonan peruntukan pembangunan dan dokumen rujukan berkaitan bagi memudahkan pihak lembaga pengelola Sekolah Menengah Conforming menyediakan pelan dan bajet pembangunan sekolah untuk tujuan membuat permohonan peruntukan pembangunan kepada Kementerian Pelajaran.

- (g) Kerajaan harus dengan segeranya menggugurkan dan berhenti melaksanakan “sekolah bantuan penuh” dan “sekolah bantuan modal”.

2.4 Masalah Kelas Bahasa Cina

Kelas bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Conforming dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang lain untuk mempelajari bahasa Cina. Pada tradisinya, Sekolah-sekolah Menengah Conforming memperuntukkan sekurang-kurangnya 5 waktu seminggu untuk mengadakan kelas bahasa Cina dan diatur di dalam jadual waktu persekolahan.

Kementerian Pelajaran pernah mengeluarkan arahan melalui surat rasmi yang dikeluarkan pada 8 Jun 1989 dan 16 November 2000 yang memberi penjelasan bahawa Sekolah-sekolah Menengah Conforming boleh meneruskan amalan biasa dengan mengatur 5 waktu seminggu untuk pengajaran Bahasa Cina di kelas peralihan hingga tingkatan 5.

Akan tetapi, pada hakikatnya, peruntukan bilangan waktu pengajaran Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah Conforming adalah berbeza-beza pada masa sekarang, antara sebabnya adalah kerana masalah kekurangan guru bahasa Cina dan sekatan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri yang hanya membenarkan 3 waktu seminggu untuk pengajaran Bahasa Cina. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan biasa yang ada menyediakan kelas bahasa Cina,

Kementerian Pelajaran menetapkan sekolah-sekolah itu mengatur 3 waktu seminggu untuk pengajaran Bahasa Cina.

Selain itu, Jabatan Pelajaran Negeri menggunakan 3 waktu seminggu dalam mengira keperluan guru bahasa Cina bagi Sekolah Menengah Conforming dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Ini menyebabkan

Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang mengatur sekurang-kurangnya 5 waktu seminggu untuk pengajaran Bahasa Cina itu menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Cina.

Cadangan:

- (a) Kementerian Pelajaran harus memastikan semua kelas bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah Conforming dari peringkat kelas peralihan hingga tingkatan 5 masing-masing mempunyai sekurang-kurangnya 5 waktu seminggu dan diatur dalam jadual waktu persekolahan, dan menyediakan bilangan guru bahasa Cina yang mencukupi dan berkelayakan di sekolah-sekolah itu.
- (b) Kementerian Pelajaran harus mengatur lebih banyak Sekolah Menengah Kebangsaan menyediakan kelas bahasa Cina dalam jadual waktu persekolahan, dan menyediakan bilangan guru bahasa Cina yang mencukupi dan berkelayakan di sekolah-sekolah itu.
- (c) Kementerian Pelajaran harus memberi kemudahan kepada guru bahasa Cina supaya memperbaiki pengajaran dan pembelajaran kelas bahasa Cina, dan memberi dorongan kepada penubuhan dan aktiviti persatuan bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan.
- (d) Kementerian Pelajaran harus menghormati keputusan Sekolah-sekolah Menengah Conforming yang menetapkan Bahasa Cina sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan awam oleh

pelajar-pelajarnya.

2.5 Masalah Kekurangan Guru Bahasa Cina

Sehingga kini, Sekolah-sekolah Menengah Conforming dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang lain masih menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Cina.

Masalah kekurangan guru bahasa Cina menyebabkan sebilangan Sekolah Menengah Conforming terpaksa mengurangkan jumlah waktu kelas bahasa Cina kepada 3 atau 4 waktu sahaja berbanding amalan biasa sekurang-kurangnya 5 waktu seminggu. Selain itu, bilangan pelajar yang ramai dalam setiap kelas bahasa Cina menambah beban kerja guru-guru bahasa Cina di sesetengah sekolah. Masalah ini menjejaskan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina.

Selain itu, sebilangan tamatan guru bahasa Cina yang dilatih untuk Sekolah-sekolah Menengah Conforming dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan telah dihantar ke sekolah-sekolah berasrama penuh. Masalah latihan dan pengagihan guru bahasa Cina yang kurang perancangan ini menjejaskan lagi masalah kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah Conforming dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.

Mulai tahun 2007, Kementerian Pelajaran telah menghentikan latihan guru bahasa Cina sekolah menengah yang dahulunya dijalankan di institusi-institusi pendidikan guru melalui kursus KPLI (Kursus Perguruan Lulusan Ijazah) dan PKPG (Program Khas Pensiswazahan Guru). Selain itu, bilangan tamatan guru bahasa Cina sekolah menengah yang dihasilkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris pada masa sekarang amat tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan sekolah. Ini menyebabkan masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah menengah menjadi semakin serius.

Adalah amat hairan apabila keperluan sekolah menengah terhadap guru bahasa Cina bertambah dan masalah kekurangan guru belum diatasi lagi, pihak kerajaan pula mengurangkan saluran latihan guru bahasa Cina sekolah menengah.

Cadangan:

- (a) Kerajaan harus mengadakan sistem dan rancangan latihan perguruan yang sempurna agar menghasilkan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakan untuk mengajar di kelas bahasa Cina dan kelas kesusasteraan Cina di Sekolah-sekolah Menengah Conforming dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.
- (b) Kerajaan harus menambah bilangan pensyarah pengajian bahasa Cina yang mencukupi di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan menambah pengambilan bilangan pelatih supaya menghasilkan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakan untuk mengajar kelas bahasa Cina dan kelas kesusasteraan Cina di Sekolah-sekolah Menengah Conforming dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.
- (c) Kerajaan harus mengembalikan dasar melatih guru sekolah menengah termasuk guru bahasa Cina sekolah menengah di Institusi-institusi Pendidikan Guru (IPG) supaya dapat menghasilkan guru yang mencukupi dan berkelayakan untuk mengajar di kelas bahasa Cina dan kelas kesusasteraan Cina.
- (d) Kementerian Pelajaran harus memastikan perkiraan keperluan guru bahasa Cina yang berkelayakan untuk Sekolah-sekolah Menengah Conforming adalah berasaskan kepada sekurang-kurangnya 5 waktu seminggu, atau bilangan waktu sebenar Bahasa Cina di setiap sekolah berkenaan, mengikut yang mana lebih banyak.

2.6 Keputusan Mata Pelajaran Bahasa Cina Dalam Peperiksaan SPM

Keputusan peperiksaan awam yang diumumkan oleh pihak berkuasa menunjukkan bahawa bilangan atau peratusan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang gred A1 (ditukar menjadi gred "A+" mulai tahun 2009) mata pelajaran Bahasa Cina di peperiksaan SPM adalah amat kurang sekali.

Contohnya, dalam peperiksaan SPM tahun 2009, mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil masing-masing mempunyai 9.0%, 3.0%, 0.2% dan 2.9% pelajar yang mendapat keputusan gred A+. Ini menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang mendapat keputusan gred A+ dalam mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM adalah terlalu kecil.

Masalah ini mendapat perhatian orang ramai dan perlu dikaji sebab-sebabnya serta membuat penambahbaikan dari pelbagai aspek agar tidak mendatangkan kesan-kesan negatif terhadap minat para pelajar mempelajari bahasa Cina dan latihan perguruan bahasa Cina.

Cadangan:

- (a) Kementerian Pelajaran harus mengkaji sebab-sebab sebenar yang menyebabkan peratusan pelajar yang terlalu kecil mendapat gred A+ bagi mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM, mengumumkan standard pemarkahan mata pelajaran Bahasa Cina dengan telusnya dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.
- (b) Standard mata pelajaran Bahasa Cina dalam

peperiksaan awam harus sesuai dengan keadaan pelajar negara kita dan tidak harus jauh berbeza berbanding dengan mata pelajaran bahasa yang lain.

3 Penutup

Sistem pengurusan Sekolah-sekolah Menengah Conforming adalah berbeza dengan sistem pengurusan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang lain. Pihak Kementerian Pelajaran tidak harus melaksanakan sistem pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan di Sekolah Menengah Conforming. Ini kerana Sekolah-sekolah Menengah Conforming mempunyai lembaga-lembaga pengelolanya sendiri sebagai pihak yang mengurus sekolah-sekolah berkenaan dan sekolah-sekolah ini mempunyai ciri-ciri tradisionalnya yang tersendiri.

Sekolah-sekolah Menengah Conforming merupakan salah satu komponen dalam sistem pendidikan negara kita. Selama ini, sekolah-sekolah ini telah memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan negara. Kerajaan harus bertanggungjawab dan menunaikan janji-janjinya untuk membangunkan Sekolah-sekolah Menengah Conforming.

Kami menyeru kerajaan mengambil tindakan yang segera dan berkesan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Conforming. Kerajaan harus menghormati kedudukan lembaga pengelola Sekolah-sekolah Menengah Conforming sebagai pihak yang mengurus sekolah-sekolah itu dan keputusan pihak lembaga pengelola untuk memelihara ciri-ciri tradisional sekolah-sekolah tersebut.

活動／專題

事件／專題

文獻

圖表與數據

編後語

編委會名單

